

Ucapan Menteri Besar Johor
Program Negaraku Sehati Sejiwa Peringkat Negeri Johor
Pada 16 Ogos 2017 di Dewan Majlis Daerah Pontian Johor.

Salam sejahtera dan salam muafakat Johor,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

1. Terima kasih semua kerana hadir.
2. Saban tahun kita akan berkumpul dan menyambut bulan kemerdekaan. Yang dekat, yang jauh, yang kecil, yang dewasa, semuanya dari seluruh pelosok negeri dan tanah air akan keluar menyambut bulan ini dengan penuh kemeriahan.
3. Pada penghujung bulan ini, kemuncaknya kita akan meraikan pula ulang tahun kemerdekaan negara yang ke 60 tahun.
4. Perayaan 6 dekad kemerdekaan ini pastilah membawa bersamanya beberapa makna yang besar. Makna yang harus kita semua hayati dan selami dengan sebaik-baiknya.
5. Pasti semua perayaan dan sambutan ini, tidak kita lakukan sekadar satu keraian yang berwarna-warni. Yang hanya meriah dengan sorakan dan nyanyian lagu-lagu patriotik.
6. Dan pastinya tidak juga kita lakukan sekadar untuk memperingatkan kepada semua tentang kepentingan patriotisme dan kesetiaan kepada negara.
7. Jadi, saya ingin sekali mengambil kesempatan dalam perhimpunan yang sangat penting ini, untuk mengajak kita semua mengimbas dan menelaah kembali makna merdeka dan ertinya kepada sebuah bangsa yang berdaulat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kemerdekaan memberikan kita pelbagai kelebihan. Ia membebaskan kita dari belenggu dan nafsu penjajah.
9. Ia memberikan kita matlamat hidup, harga diri dan maruah. Bukan sahaja sebagai sebuah bangsa dan negara. Tetapi sebagai seorang manusia.
10. Tetapi semua itu sudah sering kita dengar. Dan kita sudah sering diperingatkan tentangnya.

11. Hari ini saya ingin menyentuh tentang satu aspek kemerdekaan dalam konteks yang lebih besar. Iaitu betapa kemerdekaan memberikan kita ruang dan peluang untuk merencana masa depan negara dan tanah air sendiri.
12. Kerana, tidak guna jika negara kita hanya bebas dan merdeka. Tetapi kita tidak berhak dan berupaya untuk merancang hala tuju dan matlamatnya. Tidak dapat mencari naratif pembangunan yang kita mahu. Tidak berpeluang menetapkan apakah agenda yang terbaik kepada masyarakat kita.
13. Jika itu adalah keadaannya, ia adalah kebebasan sekadar pada nama. Pada saya, itu hanyalah *kemerdekaan atas kertas*.
14. Sebab itulah di Johor, antara perkara yang paling kita beri perhatian dan tekankan adalah gagasan Johor Berkemajuan.
15. Ada beberapa sebab penekanan Gagasan Johor Berkemajuan ini boleh menjadi lambang kita menghargai dan menghayati kemerdekaan.
16. **Pertama, ia adalah dasar dan seruan yang bertujuan mengubah cara berfikir dan cara kita melihat masa depan.**
17. Saya amat tekankan perkara ini kerana saya percaya, bangsa kita, negeri kita, negara kita, hanya akan maju dan bergerak ke hadapan jika kita mengubah cara berfikir.
18. Kita mesti berfikir dengan cara yang baharu, berfikir dengan kreatif, berfikir dengan mandiri dan berfikir dengan cara yang bersungguh-sungguh untuk memberi kebaikan kepada semua.
19. Tanpa pemikiran baharu, pemikiran kreatif dan mandiri, tidak akan ada bangsa dan negara yang boleh berjaya. Walaupun mereka pada hakikatnya sudah bebas dan merdeka.
20. Dengan mengubah cara berfikir, kita akan mengubah cara bekerja. Dengan mengubah cara berfikir, kita akan mengubah cara kita menetapkan dan menilai sesebuah kejayaan.
21. Kita tidak boleh lagi terkurung dalam pemikiran lama. Pemikiran yang akan merantai kreativiti dan keupayaan meraikan pandangan dan idea.
22. Jadi, pada tahun ini, saya telah mula menyeru semua pihak. Agar kita semua memberikan sepenuh ikrar dan tekad, untuk bersama-sama mengubah cara kita berfikir. Ke tahap yang lebih baik. Lebih cemerlang dan berkemajuan.

23. **Kedua, melalui dasar yang komprehensif dan besar seperti ini, ia menyatukan kita semua sebagai sebuah bangsa untuk bersama-sama mencapai satu sasaran yang sama.**
24. Salah satu prasyarat penting untuk bangsa kita mencapai kemajuan adalah dengan kekal bersatu hati. Kita semua mesti mempunyai satu sasaran bersama yang jelas.
25. Seperti yang disarankan dalam sambutan Sehati Sejiwa ini misalnya. Mesejnya amat ringkas dan jelas. Namun, tajam dan mendalam.
26. Hanya dengan menjadi bangsa yang bergerak sehati dan sejiwa, kita boleh mencapai pelbagai kejayaan yang besar, yang luar biasa.
27. Dan hanya dengan bergerak sehati sejiwa, kita akan melihat betapa bermaknanya kemerdekaan negara selama ini.
28. Selain kempen Sehati Sejiwa ini, terdapat pelbagai dasar khusus di peringkat nasional yang sebenarnya mengajak kita semua untuk bersama-sama menumpukan kepada matlamat yang satu.
29. Dasar Transformasi Nasional misalnya. Ia adalah bentuk satu cita-cita besar. Cita-cita besar yang hanya boleh dikecapi oleh bangsa yang merdeka. Cita-cita besar yang hanya boleh direalisasikan apabila kita teguh bersama.
30. Dalam contoh yang lain, Model Ekonomi Baharu, adalah satu lagi lambang bagaimana, sebagai sebuah negara merdeka, kita bebas menentukan cara kita menguruskan kemakmuran negara ini.
31. Terbaru, melalui agenda Transformasi Nasional 2050 atau TN50, kita seterusnya memberi makna yang lebih jelas kepada kemerdekaan kita. Dengan mengajak segenap lapisan masyarakat, dari pelbagai kelompok usia dan kedudukan untuk bersama-sama melihat masa depan dengan cara yang lebih inklusif dan terancang.
32. Pada saya, kempen Sehati Sejiwa ini, TN50 dan segala dasar besar yang lain, bukan sekadar satu agenda masa depan. Ia adalah bukti kepada cara kita mengurus dan mengisi kemerdekaan ini.
33. Akan tetapi, sekalipun semua dasar dan agenda ini baik. Namun percayalah, jika kita masih dibebankan dengan masalah perpecahan di sana sini. Pergelutan merebut kuasa. Persaingan yang tidak sihat. Serta anasir-anasir yang merenggangkan hubungan sesama kaum. Kita sebetulnya belum merdeka dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

34. Jika kita berpecah dan tidak bersatu hati, kejayaan tidak akan dapat kita capai. Biar sebaik mana pun sesebuah agenda pembangunan itu dirancang.
35. Kerana, sebarang dasar yang baik, yang bertujuan membawa kelebihan kepada semua, pastinya tidak akan dapat diterjemahkan dengan lancar oleh Kerajaan jika rakyat dan masyarakat sekeliling terus menerus bercakaran.
36. Jadi, sebagai salah satu cara menghargai dan menghayati sambutan kemerdekaan dan kempen Sehati Sejiwa ini, marilah kita semua berazam untuk mengeratkan hubungan sesama kita.
37. Hubungan dalam sesebuah kaum, hubungan sesama antara kaum. Hubungan dengan sesiapa sahaja.
38. Khususnya di Johor ini. Sebagai bangsa yang berbangga dengan amalan dan budaya muafakat, kita mesti berupaya meraikan kepelbagaian yang ada di bumi Johor ini dengan penuh kematangan dan keterbukaan.
39. **Ketiga, bersempena bulan kemerdekaan ini juga, saya ingin menyeru semua yang hadir pada hari ini, untuk mencari jalan menyumbang ke arah kebaikan bangsa dan tanah air.**

Saudara dan saudari, tuan-tuan dan puan-puan,

40. Kita seharusnya berasa malu, jika setiap tahun kita bersama-sama yang lain meraikan kemerdekaan negara.
41. Tetapi pada masa yang sama, kita tidak pernah pula menanam azam untuk menyumbang kepada negara ini.
42. Jadi, atas semangat kemerdekaan, atas semangat Sehati Sejiwa, kita mesti mula menanam cita-cita dan keinginan secara serius, untuk memberi dan menyumbang kepada negara.
43. Kerana, sebagai bangsa yang merdeka, yang bermaruah, yang menghargai segala kebebasan yang kita kecapai ini, kita mesti sedar. Kemajuan dan kejayaan negara ini haruslah dibina oleh tangan-tangan kita semua.
44. Kita jangan hanya menjadi tangan-tangan yang mahu menerima sahaja kelebihan pembangunan negara. Tetapi tidak pula ringan tangan dalam menghulurkan sumbangan dan jasa.
45. Lebih teruk, janganlah kira sampai menjadi tangan-tangan yang menodai dan merosakkan segala kejayaan yang telah dibina selama ini.

46. Benar, negara kita ini tidak sempurna, tetapi, dengan semangat dan dedikasi dari semua anak-anak merdeka, kita pastinya berupaya untuk menjadikannya lebih baik, lebih maju dan sejahtera untuk semua, insya-Allah.
47. Dan saya ingin tekankan juga. Untuk menyumbang kepada negara, ia bukanlah sukar. Ia tidak semestinya dengan menjadi anggota keselamatan dan tentera yang bersabung nyawa di perbatasan negara.
48. Bukan hanya dengan menjadi doktor, atau jurutera atau dengan menjadi usahawan yang kaya raya. Dan ia tidak semestinya dengan menghulurkan dana dan wang kepada proses pembangunan.
49. Tetapi, sesiapa pun kita, apa pun kedudukan dan latar belakang kita. Percayalah, kita mempunyai segala kelebihan untuk menyumbang dan menjadikan Malaysia rumah terbaik untuk semua.
50. Yang mengajar di sekolah, ajar dan didiklah anak bangsa kita dengan sebaik mungkin.
51. Yang merawat di hospital, rawatlah setiap pesakit dengan sepenuh ikhlas seperti mereka itu ahli keluarga kita sendiri.
52. Yang memandu pengangkutan awam, pandulah dengan berhemat, dengan kepercayaan bahawa yang dibawa itu, adalah para penumpang yang akan menjadi harapan negara.
53. Kepada yang berniaga, bernialah dengan jujur. Agar timbul rasa percaya yang kuat sesama kita dalam masyarakat.
54. Yang menjadi suri rumah, uruskanlah urusan harian keluarga dengan baik, dengan penuh rasa keseronokan. Dan percayalah, kalian juga sedang menyumbang kepada negara. Kerana, tidak ada masyarakat dapat menjadi cemerlang, jika unit paling asas iaitu keluarga, berada dalam keadaan yang teruk dan berantakan.
55. Dan kepada semua Orang Muda Johor, golongan yang saya gelarkan sebagai O.M.J., kalian punya tugas yang besar kepada Johor dan kepada Malaysia.
56. Masa hadapan negara ini di tangan anda. Kelangsungan kemerdekaan dan kedaulatannya di tangan anda.
57. Jadi, apabila pulang daripada acara ini nanti, mulalah berfikir dengan mendalam.

58. Carilah segala ruang dan peluang yang ada di luar sana. Majukanlah diri, tingkatkan kecerdasan fizikal dan kebingkasan akal. Perbaiki sahsiah, dan jauhi gaya hidup yang tidak baik.
59. Elakkan dari menjadi mangsa kerakusan politik atau mereka yang menjaja tohmahan dan cerita buruk tentang Johor dan Malaysia.
60. Kerana, ini adalah negeri dan tanah air kita. Baik atau buruknya negeri dan tanah air ini, ia adalah sesuatu yang tidak boleh kita tukar ganti.
61. Jadi, kepada seluruh bangsa Johor dan seluruh rakyat Malaysia, di bahu anda terpikul satu harapan besar dan satu tanggungjawab murni, untuk menjadikan negeri dan tanah air kita ini, negeri dan tanah air yang terbaik untuk semua.
62. Saya harap seruan saya ini akan mendapat sambutan dan perhatian daripada segenap lapisan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

63. Sebelum berakhir, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut hari kemerdekaan kepada seluruh rakyat Malaysia.
64. Marilah kita mendoakan agar tanah air kita lebih sejahtera dan terpelihara.
65. Dengan Nama Allah Yang Maha Besar Lagi Maha mengasihani, saya dengan ini merasmikan pelancaran Program Sehati Sejiwa Peringkat Negeri Johor.
66. Terima kasih.